

# Mohon doa tiada kejadian buruk

Fenomena air pasang besar mengejutkan, cetus kebimbangan penduduk sekitar

**KUALA LANGAT** - Fenomena air pasang besar yang berlaku kelmarin, di beberapa kawasan berhampiran pantai di sini, mengejutkan pelbagai pihak termasuk pengguna laman sosial Facebook yang berkongsi maklumat kejadian itu.

Tinjauan *Sinar Harian* di Pantai Morib dan Pantai Kelanang semalam mendapati, keadaan air laut masih sedikit bergelora dan tiada pengunjung dilihat mengadakan aktiviti di kawasan itu.

Bagaimanapun, kerja pembersihan tetap dilakukan pihak berkuasa tempatan (PBT) pada awal pagi berikutan pelbagai aktiviti hujung minggu dijangka dijalankan di kawasan pantai.

Menerusi Facebook Kuala Langat Community yang turut berkongsi gambar air pasang besar sejak kelmarin, di beberapa kawasan termasuk di kawasan berhampiran Istana Bahagia, Pantai Morib dan Kampung Endah, turut mendapat maklum balas ke-

Message from JPS

m/m ni d jangka air laut psng besar yg sgt luar biasa mohon doa agar kita d jauhkan bala bencana..amiinn-

JADUAL AIR PASANG DRPD JPS:-  
18HB SEPT 2016 ~ 5.6M  
19HB SEPT 2016 ~ 5.5M  
20HB SEPT 2016 ~ 5.5M  
21HB SEPT 2016 ~ 5.2M

**PENDUDUK DIMINTA SUPAYA BERWASPADA DAN MENGAMBIL LANGKAH-LANGKAH KESELAMATAN JIKA BERLAKU LAGI BANJIR AIR PASANG TINGGI SEPERTI YANG DIJANGKAKAN.**

**Pengguna aplikasi WhatsApp turut memuat turun gambar dan maklumat mengenai air pasang besar.**

bimbangan dirasai pengguna laman sosial berkenaan.

Kejadian yang berlaku itu menyebabkan beberapa grup aplikasi WhatsApp turut memviralkan satu kenyataan memohon doa supaya tiada kejadian buruk berlaku.

Sementara itu, Yang Dipertua



Dpn Istana Pantai Bahagia, Spg Kg Endah

Smlam g pantai laut bergelora

Pg ni pun ribut

Abesla karat bwk kete

Mohon laluan info terkini..sila panjang kn pringatan kepada saudara sahabat kita yg berpotensi tuk

**Viral berkaitan air pasang besar di laman sosial Facebook.**

Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL), Mohd Azhar Mohamed Ali berkata, pengunjung dinasihatkan supaya berhati-hati sekiranya mengunjungi pantai berhampiran.

Menurutnya, bagi mengelakkan



Tinjauan air pasang besar di Pantai Morib, semalam.

kejadian tidak diingini berlaku, pengunjung dinasihatkan supaya tidak mandi di laut.

"Kita juga menerima maklumat daripada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) yang menjangkakan air laut pasang besar yang sangat luar biasa akan terjadi dan memohon doa agar kita dijauhkan daripada bencana.

"Jadual air pasang yang dimaklumkan pihak JPS iaitu pada 18

September, 5.6 meter; 19 September, 5.5 meter; 20 September, 5.5 meter dan pada 21 September, 5.2 meter," katanya.

Sementara itu, Pegawai Balai Bomba Banting, Mohd Jaslizad Jalil berkata, pihaknya sentiasa bersedia sedia berdepan dengan segala masalah dan berpegas menyalurkan bantuan jika menerima panggilan kecemasan.